

**SULIT**  
**3756/1**  
**Prinsip**  
**Perakaunan**  
**Kertas 1**  
**Ogos**  
**2018**  
1 ¼ jam

3756/1



---

**MAKTAB RENDAH SAINS MARA**

**PEPERIKSAAN AKHIR**

**SIJIL PENDIDIKAN MRSM 2018**

---

**PRINSIP PERAKAUNAN**

Kertas 1

Satu jam lima belas minit

---


**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan iaitu A, B, C dan D. Bagi setiap soalan, pilih satu jawapan sahaja. Hitamkan jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*
4. *Sekiranya anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baru.*
5. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.*

---

Kertas soalan ini mengandungi 16 halaman bercetak dan 2 halaman tidak bercetak.

- 1 Rajah 1 menunjukkan skop kerja bagi sesuatu sub bidang perakaunan.



Rajah 1

Apakah sub bidang tersebut?

- A Percukaian
  - B Pengauditan
  - C Perakaunan Kewangan
  - D Perakaunan Pengurusan
- 2 Manakah antara berikut merupakan catatan kontra bagi Akaun Jualan?
- A Pulangan masuk
  - B Pulangan keluar
  - C Angkutan masuk
  - D Angkutan keluar

- 3 Berikut adalah petikan perbualan antara kerani dan pengurus akaun Syarikat Zacky Sdn. Bhd.



Apakah dokumen tersebut?

- A Nota debit
  - B Nota kredit
  - C Makluman debit
  - D Makluman kredit
- 4 Berikut adalah amalan perekodan perakaunan Zailani Enterprise.

Penetapan pengiraan susut nilai kenderaan ialah 10% setahun mengikut kaedah baki berkurangan. Tahun berikutnya, perniagaan telah menaikkan peratusan susut nilai kepada 15% mengikut kaedah baki berkurangan.

Apakah kesan ketidakpatuhan tersebut?

- A Perniagaan tidak boleh mengetahui untung bersih sebenar sepanjang tahun
- B Perniagaan mengalami kekeliruan antara transaksi perniagaan dan peribadi
- C Perniagaan tidak boleh beroperasi dengan hala tuju kearah jangka masa panjang
- D Perniagaan tidak boleh membuat perbandingan maklumat perakaunan dengan adil

- 5 Berikut merupakan urusaniaga Yasmin Wangi Sdn Bhd pada Januari 2017.

Puan Yasmin telah membeli mesin basuh sebanyak 8 buah yang berjumlah RM88 000 daripada Mega Elektrik Enterprise. Mega Elektrik Enterprise menawarkan diskaun RM500 bagi setiap mesin. Pembayaran pendahuluan sebanyak RM10 000 secara cek dan bakinya dibayar kemudian.

Manakah catatan yang betul?

	<b>Mesin</b>	<b>Bank</b>	<b>Akaun Belum Bayar</b>
A	(+) RM88 000	(-) RM10 000	(+) RM78 000
B	(+) RM84 000	(-) RM10 000	(+) RM74 000
C	(+) RM88 000	(-) RM4 000	(+) RM84 000
D	(+) RM84 000	(-) RM4 000	(+) RM80 000

- 6 Urus niaga manakah direkodkan di dalam Jurnal Am?

- A Membuat catatan permulaan
- B Membuat pulangan belian
- C Membuat pulangan jualan
- D Membuat ambilan tunai

- 7 Berikut adalah maklumat yang diperoleh daripada Perniagaan Jamal Enterprise:

Polisi perniagaan memperuntukkan dana runcit sebanyak RM200 sebulan. Pada bulan berikutnya, perniagaan telah membelanjakan RM150 untuk membiayai belanja runcit perniagaan.

Berapakah jumlah wang yang akan dibayar balik kepada kerani akaun?

- A RM50
- B RM150
- C RM200
- D RM250

- 8 Berikut adalah Akaun Kawalan Belum Terima pada bulan Januari 2018.

<b>Akaun Kawalan Belum Terima</b>					
2018		<b>RM</b>	2018		<b>RM</b>
Jan 1	Baki b/b	780	Jan 31	Bank	3 290
31	Jualan	5710		Pulangan jualan	43
	Bank (cek tak laku)	<b>X</b>		Diskaun diberi	160
	Diskaun diberi (dibatalkan)	<b>Y</b>		Hutang lapuk	272

Apakah sumber maklumat bagi X dan Y?

	<b>X</b>	<b>Y</b>
A	Jurnal Am	Buku Tunai
B	Jurnal Am	Jurnal Am
C	Buku Tunai	Buku Tunai
D	Buku Tunai	Jurnal Am

- 9 Manakah yang berikut merupakan akaun nyata?
- A Akaun Tunai, Akaun Mesin dan Akaun Alat Tulis
  - B Akaun Inventori, Akaun Bank dan Akaun Tunai
  - C Akaun Lengkapan, Akaun Belum Terima dan Akaun Perabot
  - D Akaun Alatan Pejabat, Akaun Belum Bayar dan Akaun Kenderaan

10 Maklumat berikut diperoleh daripada buku seorang peniaga.

**JURNAL BELIAN**

Tarikh	Butir	Jumlah
2018		RM
Mei 9	Perniagaan Zulkifli	2 750
23	Perniagaan Zulkifli	1 685
Mei 31	Akaun Belian	4 435

Pilih catatan lejar yang betul?

- A**
- | Perniagaan Zulkifli       |              |       |
|---------------------------|--------------|-------|
|                           | 2018         | RM    |
|                           | Mei 9 Belian | 2 750 |
|                           | 23 Belian    | 1 685 |
| Akaun Belian              |              |       |
| 2018                      | RM           |       |
| Mei 9 Perniagaan Zulkifli | 2 750        |       |
| 23 Perniagaan Zulkifli    | 1 685        |       |
- B**
- | Perniagaan Zulkifli      |              |       |
|--------------------------|--------------|-------|
|                          | 2018         | RM    |
|                          | Mei 9 Belian | 2 750 |
|                          | 23 Belian    | 1 685 |
| Akaun Belian             |              |       |
| 2018                     | RM           |       |
| Mei 31 Akaun belum bayar | 4 435        |       |
- C**
- | Perniagaan Zulkifli      |               |       |
|--------------------------|---------------|-------|
|                          | 2018          | RM    |
|                          | Mei 31 Belian | 4 435 |
| Akaun Belian             |               |       |
| 2018                     | RM            |       |
| Mei 31 Akaun belum bayar | 4 435         |       |
- D**
- | Perniagaan Zulkifli       |               |       |
|---------------------------|---------------|-------|
|                           | 2018          | RM    |
|                           | Mei 31 Belian | 4 435 |
| Akaun Belian              |               |       |
| 2018                      | RM            |       |
| Mei 9 Perniagaan Zulkifli | 2 750         |       |
| 23 Perniagaan Zulkifli    | 1 685         |       |

11 Berikut adalah catatan urusanniaga yang berlaku dalam Perniagaan Afifah Enterprise:

Belian daripada Pembekal Ariff sebanyak RM2000 telah direkodkan ke Akaun Pembekal Arifful.

Apakah jenis kesalahan tersebut?

- A Kesilapan Amaun
- B Kesilapan Prinsip
- C Kesilapan Terbalik
- D Kesilapan Komisen

12 Antara berikut yang manakah dikategorikan sebagai kesilapan prinsip?

- A Belian tunai RM230 terlupa direkodkan
- B Jualan kepada Nick RM5 437 direkodkan di dalam Akaun Nicky
- C Belanja membaiki kenderaan RM520 telah direkodkan di dalam Akaun Kenderaan
- D Sewa yang dibayar RM1 500 telah didebitkan di dalam Buku Tunai dan dikreditkan di dalam Akaun Sewa

13 Perniagaan Qayyum memperoleh untung bersih berjumlah RM45 600 bagi tahun berakhir 30 April 2017. Selepas pengiraan untung bersih, kesilapan berikut ditemui oleh kerani akaun perniagaan.

- Insurans prabayar RM550
- Komisen diterima belum terperoleh RM1 250
- Belanja membaiki kenderaan bernilai RM1 750 direkodkan di dalam Akaun Kenderaan

Berapakah untung bersih selepas pembetulan kesilapan?

- A RM43 150
- B RM44 550
- C RM46 650
- D RM49 150

14 Berikut adalah maklumat yang diambil daripada Perniagaan Afif Thaif pada 31 Julai 2018.

	RM
Jualan	45 000
Pulangan masuk	2 000
Inventori awal	1 300
Inventori akhir	1 890
Belian	27 500
Pulangan keluar	1 500
Angkutan masuk	850

Berapakah nilai untung kasar?

- A RM14 660
- B RM16 740
- C RM17 740
- D RM19 440

15 Manakah antara berikut merupakan aset semasa?

- I Iklan prabayar
- II Gaji belum bayar
- III Dividen belum terima
- IV Komisen belum terperoleh

- A I dan III
- B I dan IV
- C II dan III
- D II dan IV

16 Pilih padanan yang betul bagi menunjukkan kedudukan baki akhir akaun.

	<b>Akaun</b>	<b>Baki akhir</b>
A	Insuran prabayar	Kredit
B	Akaun belum terima	Debit
C	Sewa belum terperoleh	Kredit
D	Faedah belum terima	Debit



17 Petikan Imbangan Duga berikut diambil daripada buku Perniagaan Jawi Jaya.

Imbangan Duga pada 31 Mac 2018		
	Debit	Kredit
	RM	RM
Akaun Belum Terima	7 800	
Peruntukan Hutang Ragu		400

**Maklumat tambahan :**

Peruntukan hutang ragu diselaraskan kepada 5% atas Akaun Belum Terima.

Berapakah amaun peruntukan hutang ragu dalam Penyata Kedudukan Kewangan?

- A RM370
- B RM390
- C RM410
- D RM790

18 Maklumat berikut diperolehi daripada buku Perniagaan Sally berakhir 31 Mei 2018.

	RM
Untung kasar	21 400
Sewa dibayar	660
Sewa diterima	480
Faedah simpanan tetap	320

**Maklumat tambahan :**

Sewa prabayar RM110.

Berapakah untung bersih?

- A RM20 900
- B RM21 010
- C RM21 540
- D RM21 650

19 Berikut adalah data yang diperoleh daripada Kedai Runcit Cherry.

	RM
Untung kasar	15 600
Untung bersih	11 500

**Maklumat tambahan:**

Belanja memperbaiki komputer RM500 telah direkodkan dalam Akaun Komputer.

Apakah kesan selepas pembetulan kesilapan?

- A Untung Bersih berkurang kepada RM11 000
- B Untung Bersih bertambah kepada RM12 000
- C Untung Kasar berkurang kepada RM15 100
- D Untung Kasar bertambah kepada RM16 100

20 Siapakah pengguna dalaman Penyata Kewangan?

- I Pengurusan
  - II Pelanggan
  - III Pekerja
  - IV Pelabur
- A I dan II
  - B I dan III
  - C II dan IV
  - D III dan IV

21 Maklumat berikut telah diambil daripada buku Ahmad Enterprise pada 31 Julai 2018.

	RM
Kos Jualan	27 740
Margin untung kasar adalah 20%	

Berapakah jumlah jualan?

- A RM33 288
- B RM34 675
- C RM49 932
- D RM138 700

22 Maklumat berikut diambil daripada Penyata Kedudukan Kewangan Perniagaan Sofea.

	<b>RM</b>
Akaun belum bayar	3 400
Akaun belum terima	7 560
Jualan kredit	118 800
Belian kredit	87 400

Berapakah tempoh kutipan hutang?

- A 10 hari
- B 14 hari
- C 23 hari
- D 32 hari

23 Maklumat berikut diperolehi daripada Puan Suria, peniaga kedai runcit yang merekod urusan secara tunggal.

	1 Januari 2017	31 Disember 2017
	RM	RM
Aset Bukan Semasa	30 000	25 000
Aset Semasa	13 200	18 500
Liabiliti Bukan Semasa	10 000	10 000
Liabiliti Semasa	8 000	13 500

Berapakah untung atau rugi bersih?

- A Rugi bersih RM200
- B Rugi bersih RM5200
- C Untung bersih RM200
- D Untung bersih RM5200

24 Maklumat berikut diperolehi daripada Encik Makbul yang tidak menyimpan rekod perakaunan dengan lengkap.

	RM
Jualan kredit	76 300
Diskaun diberi	2 550
Pulangan jualan	3 360
Hutang lapuk	450
Peruntukan hutang ragu	468
Baki akhir Akaun belum terima	23 400

Berapakah jumlah penerimaan daripada Akaun Belum Terima bagi tahun berakhir 31 Disember 2017?

- A RM46 072
  - B RM46 540
  - C RM92 872
  - D RM93 340
- 25 Apakah maklumat yang diperlukan untuk menentukan untung atau rugi sesebuah perniagaan melalui kaedah perbandingan?
- A Modal Kerja
  - B Untung Bersih
  - C Aset dan Liabiliti
  - D Hasil dan Belanja
- 26 Berikut adalah aspek kawalan dalam pengendalian tunai dalam MLand Bhd.

- i. Pegawai A : menerima dan menyimpan tunai
- ii. Pegawai B : merekod tunai
- iii. Pegawai C : meluluskan dan membuat pembayaran

Apakah aspek kawalan yang betul?

- A Pusingan tugas
- B Kawalan fizikal
- C Penetapan tugas
- D Pengasingan tugas

- 27 Apakah langkah yang betul untuk mengatasi kekurangan dalam belanjawan tunai?
- A Membuat pinjaman daripada bank
  - B Mengurangkan volum jualan perniagaan
  - C Meningkatkan belian tunai barang niaga
  - D Menambahkan perbelanjaan perniagaan
- 28 Apakah yang perlu dilakukan jika tiada ikatan perkongsian dalam sesebuah perniagaan perkongsian?
- A Merujuk kepada keputusan setiap ahli pekongsi
  - B Merujuk Pendaftaran Perniagaan
  - C Merujuk Akta Perkongsian 1961
  - D Merujuk Akta Syarikat 2016
- 29 Manakah antara berikut butiran di bahagian debit akaun semasa?
- A Gaji pekongsi
  - B Faedah atas modal
  - C Faedah atas ambilan
  - D Faedah atas pinjaman
- 30 Maklumat berikut berkaitan Perkongsian Rahmat dan Zalika.

	RM
Jumlah aset (tidak termasuk bank)	40 000
Jumlah liabiliti	4 700
Belanja realisasi	1 500
Aset direalisasi	32 500

Berapakah Rugi Realisasi?

- A RM2 800
- B RM6 000
- C RM9 000
- D RM12 200

- 31 Manakah antara berikut ciri syarikat berhad?
- A Perniagaan dijangka akan berterusan
  - B Pemegang syer berhak mengawal operasi perniagaan
  - C Pemilik dan organisasi perniagaan adalah entiti yang sama
  - D Tanggungan ahli tidak terhad kepada jumlah syer yang dimiliki
- 32 Apakah ciri syer keutamaan?
- A Mendapat tunggakan dividen
  - B Menerima dividen selepas pemegang syer biasa
  - C Berhak mengundi dalam Mesyuarat Agung Tahunan
  - D Kadar dividen berubah mengikut prestasi perniagaan
- 33 Manakah merupakan item penerimaan tunai bagi kelab dan persatuan?
- I Yuran Ahli
  - II Honorarium
  - III Kutipan sukaneka
  - IV Penyelenggaraan Komputer
- A I dan II
  - B I dan III
  - C II dan IV
  - D III dan IV
- 34 Apakah yang dimaksudkan dengan Yuran Belum Terima pada akhir tahun?
- A Yuran tahun lepas yang diterima awal
  - B Yuran tahun lepas yang belum diterima
  - C Yuran tahun semasa yang belum diterima
  - D Yuran tahun hadapan yang belum diterima
- 35 Apakah item perbelanjaan modal?
- A Gaji
  - B Insurans
  - C Elaun kehormat
  - D Pembinaan gelanggang

36 Berikut adalah baki-baki aset dan liabiliti yang diperoleh daripada Kelab Memancing Imanuha pada 1 Jun 2018.

	<b>RM</b>
Perabot	5 000
Peralatan memancing	7 200
Bot	10 000
Bank	13 250
Yuran Belum Terima	300
Yuran Belum Terperoleh	450
Sewa Belum Bayar	1 000

Berapakah dana terkumpul pada 1 Jun 2018?

- A RM33 700
- B RM34 300
- C RM34 600
- D RM35 750

37 Apakah rumus bagi kos pengeluaran?

A	Kos Bahan Langsung	+	Kos Buruh Langsung	+	Kerja Dalam Proses Awal	-	Kerja Dalam Proses Akhir
B	Kos Bahan Langsung	+	Kos Buruh Langsung	-	Kerja Dalam Proses Awal	+	Kerja Dalam Proses Akhir
C	Kos Bahan Tak Langsung	+	Kos Buruh Langsung	+	Kerja Dalam Proses Awal	-	Kerja Dalam Proses Akhir
D	Kos Bahan Tak Langsung	+	Kos Buruh Langsung	-	Kerja Dalam Proses Awal	+	Kerja Dalam Proses Akhir

38 Antara berikut yang manakah merupakan butiran kos overhead?

- A Gaji penyelia kilang dan susut nilai komputer pejabat
- B Gaji kerani pejabat dan susut nilai komputer pejabat
- C Gaji penyelia kilang dan susut nilai mesin
- D Gaji kerani pejabat dan susut nilai mesin

39 Berikut adalah maklumat berkaitan dengan produk pewangi kereta yang dipasarkan oleh Kilang Lin Leen.

	<b>RM</b>
Kos Tetap	10 000
Kos Berubah Seunit	15
Harga Jualan Seunit	25

Berapakah untung yang diperoleh jika 2 000 unit pewangi kereta berjaya dijual?

- A RM10 000
- B RM20 000
- C RM30 000
- D RM40 000

40 Manakah antara situasi berikut memberi kesan terhadap titik pulang modal?

- I Kos tetap meningkat
- II Kos berubah seunit berkurang
- III Hasil jualan syarikat meningkat
- IV Untung sasaran yang dibuat meningkat

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan IV
- D III dan IV

**KERTAS SOALAN TAMAT**